



# Cinta umpama main piano

## Gadis rela lakukan seks dengan teman lelaki kerana terlalu sayang

### Soalan

**S**AYA seorang setiausaha syarikat swasta berusia 21 tahun.

Saya mengenali seorang lelaki berusia 25 tahun yang cukup sempurna dan memenuhi segala ciri-ciri yang saya inginkan. Dia mempunyai masalah dengan teman wanitanya yang meninggalkannya kerana lelaki lain.

Saya sentiasa di sisinya ketika dia memerlukan tempat meluahkan masalah dan saya

mula menyayanginya sepenuh hati. Akhirnya, pada pertengahan Mei lalu, saya sah bergelar teman wanitanya dan kami amat bahagia.

Beberapa minggu kemudian, bekas teman wanita menghubungi kerana ingin kembali ke pangkuannya. Saya tidak pernah mengenali bekas teman wanitanya dan tidak pernah sekali terdetik di hati untuk mengenalinya.

Jika dia bercerita mengenai bekas teman wanitanya, saya

sekadar tersenyum dan mengatakan saya mencintainya lebih daripada segalanya serta sanggup melakukan apa saja untuk membahagiakannya.

Kerana terlalu sayang, kami sudah dua kali melakukan hubungan terlarang di hotel terkemuka. Saya keberatan melakukan dan dia sendiri tidak pernah memaksa, namun kerana terlalu menyayanginya saya lakukan juga.

Kehidupannya yang sentiasa sibuk dan menghabiskan masa

dengan kawan bermain boling setiap malam serta susah untuk dihubungi membuatkan saya sentiasa berfikir negatif terhadapnya.

Saya selalu memikirkan sama ada dia ada perempuan lain atau sebaliknya. Dia selalu menasihati saya mengelak daripada berfikir perkara di luar dugaan, namun saya hanya insan biasa dan tidak dapat lari daripada memikirkannya.

Kini, saya memikirkan untuk melakukan perkara terlarang buat kali ketiga. Saya bukan ketagih tetapi saya ingin dia sentiasa berada di sisi saya. Saya yakin akan hidup bahagia bersama untuk selamanya tetapi tidak tahu apa yang saya harus lakukan.

Kalau boleh, saya ingin mengelak daripada melakukan perbuatan haram itu. Bagaimana caranya saya boleh selesaikan masalah ini? Apa yang harus saya lakukan kerana saya tidak dapat hidup tanpanya?

REMAJA RUNSING  
Kuala Lumpur

### Jawapan

**K**ESAN cinta memang mengasyikkan. Cinta ibarat sebuah telaga yang tiada dasarnya. Cinta juga menakluk segala-galanya. Cinta dapat mengubah pondok kayu menjadi istana emas.

Justeru, Dr memahami perasaan adik ketika ini. Namun, betapa hebat pun perasaan cinta itu, ia perlu didasari akal fikiran dan batas agama.

Nampaknya cinta membuatkan adik hanyut mengikut emosi. Mengadakan hubungan terlarang sebagai satu cara membuatkan teman lelaki sentiasa berada di sisi bukanlah satu perkara yang bijak untuk dilakukan.

Kata pujangga, cinta letaknya di hati. Meskipun tersembunyi, namun getarannya jelas sekali. Ia mampu mempengaruhi fikiran, sekali



**SUCI...**cinta berlandaskan keikhlasan pasti berkekalan. - GAMBAR HIASAN

gus mengendalikan tindakan kita sehingga kadangkala kita melakukan perkara bodoh tanpa disedari.

Pepatah ada mengatakan 'mencintai itu umpama piano'. Pertama, kita bermain ikut peraturannya. Kemudian, lupakan peraturan dan main ikut hati. Meletakkan syarat kepada diri adik bahawa adik perlu melakukan perbuatan terlarang untuk menarik teman lelaki kekal dalam perhubungan hanya akan menjadikan perhubungan kalian sebagai perhubungan yang tidak ikhlas. Perhubungan yang tidak ikhlas dan didorong perasaan terlalu ingin memiliki sering terputus di tengah jalan.

Adik tidak perlu menyerahkan diri untuk membuktikan kasih sayang kepada teman lelaki. Bukankah adik sendiri keberatan untuk melakukannya? Mengapa memaksa diri melakukan sesuatu yang tidak disukai? Apatah lagi, ia sesuatu yang terlarang. Apakah bukti jika adik menyerahkan diri dia akan sentiasa berada di sisi adik?

Hubungan cinta yang har-

monis dibina atas rasa kepercayaan dan saling memberi serta menerima. Perlu wujud sifat percaya. Oleh itu, memikirkan sesuatu yang di luar jangkaan hanya akan menimbulkan lebih banyak prasangka dan perasaan was-was. Perasaan ini jika tidak dikawal akan memberi tekanan kepada diri.

Jika adik kerap memikirkan perkara yang negatif mengenai perhubungan adik dengan teman lelaki, kesannya juga boleh menjadi negatif, walaupun pada hakikatnya perhubungan itu berjalan baik.

Dr tidak pasti mengapa teman lelaki adik sentiasa sibuk. Namun, dia juga memerlukan ruang untuk dirinya sendiri. Berikanlah dia ruang untuk dirinya. Jika adik ingin hidup bahagia bersamanya, sikap saling mempercayai perlu ada selain jangan terlalu mengongkang.

Jangan membina dinding dan halangan dalam percintaan adik. Pepatah ada mengatakan manusia berasa kesepian daripada cinta kerana mereka kerap membangun dinding, bukannya jambatan kasih sayang.